

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

YB Puan Nor Azrina Binti Surip [Merbok] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan apakah kriteria asas pemilihan sesuatu kawasan di bawah Program Penyeragaman Harga memandangkan Program ini hanya dilaksanakan di kawasan tertentu sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Program Penyeragaman Harga dilaksanakan sejak tahun 2009 bertujuan untuk membantu rakyat di kawasan luar bandar dan pedalaman terpilih bagi mendapatkan tujuh (7) barangan keperluan asas iaitu beras putih, gula putih bertapis kasar, tepung gandum kegunaan am (paket 1kg), minyak masak sawit tulen (paket 1kg/botol 1liter), gas petroleum cecair (LPG tong 14kg), Petrol RON95 dan Diesel pada harga kawalan Kerajaan.

Kawasan-kawasan ini dipilih setelah menepati kriteria yang ditetapkan iaitu jarak kawasan tersebut melebihi 15 kilometer dari punca bekalan dan harga sebelum Program dilaksanakan melebihi 15% daripada harga kawalan Kerajaan.

Mod pengangkutan yang pelbagai diperlukan untuk menghantar bekalan sehingga ke kawasan-kawasan ini kerana perlu melalui jalan yang sukar seperti laluan balak, sungai, jeram dan lain-lain.

Bagi menilai semula kawasan pengedaran sedia ada terutamanya di Sabah dan Sarawak, satu Jawatankuasa Penilaian Kawasan telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini telah menilai kawasan-kawasan di bawah Program Penyeragaman Harga dari aspek kesesuaian dan keperluan sebenar penduduk serta mengenalpasti lokasi yang bersesuaian sebagai

pusat pengedaran berpusat (Distribution Centre, DC) bagi mengurangkan bilangan *Point of Sales* (POS).

Selain semakan semula kawasan pengedaran, Kementerian juga telah membuka iklan tawaran mengemukakan Kertas Permohonan bagi Program Penyeragaman Harga Tahun 2019. Pada masa ini, pihak Kementerian sedang membuat penilaian setiap Kertas Permohonan yang diterima bagi memastikan Program ini sampai kepada golongan sasar di kawasan yang terpilih.